

25/07/2000

Asean+3 wujudkan kerjasama Asia Pasifik

Zulkofli Jamaludin

MESYUARAT rasmi pertama Menteri-Menteri Luar Asean+3 (China, Jepun dan Korea Selatan) di Bangkok esok, akan mengukuhkan kerjasama yang terjalin selepas pertemuan pemimpin utama negara anggota di Manila, November lalu. Pertemuan bersejarah itu menggambarkan negara di Asia Timur menerima dan melaksanakan usaha mewujudkan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), yang dicadangkan Malaysia, 10 tahun lalu.

Walaupun tidak dikenali sebagai EAEC seperti dicadangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Asean+3 bersetuju mengukuhkan kerjasama ekonomi, meningkatkan kerjasama serantau bagi mengukuhkan sistem perdagangan multilateral dan bukan bertujuan membina blok perdagangan.

Ini membuktikan EAEC yang diilhamkan oleh Dr Mahathir kini mula dilaksanakan - bermula dengan mesyuarat menteri perdagangan di Myanmar dan disusuli mesyuarat menteri kewangan di Chiang Mai, Thailand, Mei lalu, walaupun belum ada persetujuan sebuah badan khas bagi melaksanakan tugas itu.

Pelaksanaan pakatan itu adalah melalui laluan panjang selepas Amerika Syarikat - yang juga rakan dialog Asean - menolak cadangan pembentukan majlis perundingan berkenaan. Malah, AS mempengaruhi Jepun yang juga rakan dagang utamanya agar tidak menyertai EAEC.

Asean sendiri hanya menerima konsep EAEC sebulat suara pada 1995 manakala pada Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Asean (AMM) di Bandar Seri Begawan, Brunei, pemimpin Asean menyokong penubuhan EAEC. Ia mengambil beberapa tahun lagi sebelum pemimpin Asean+3 mengadakan pertemuan pertama ketika Sidang Kemuncak Asean di Kuala Lumpur pada 1997.

Selepas itu Asean+3 bertemu lagi dalam persidangan Hanoi, Vietnam pada Desember 1998, yang mana mereka bersetuju mengenai pentingnya mesyuarat diadakan selalu. Di Manila, November lalu pula, pemimpin Asean+3 mengeluarkan kenyataan bersama mengenai Kerjasama Asia Timur.

Pada persidangan itu, pemimpin Asean+3 mengeluarkan kenyataan mengenai kerjasama ekonomi, termasuk kerjasama Pembangunan Lembangan Asean-Mekong, pembaharuan arkitek kewangan antarabangsa, pembangunan sumber manusia dan sosial, pembangunan teknikal dan saintifik, maklumat dan budaya serta kerjasama mengenai keselamatan politik bagi mengukuhkan isu menyeberangi sempadan negara anggota.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, memberitahu Dewan Rakyat, Mac lalu, hasrat menubuhkan EAEC sudah terbentuk dengan pertemuan pemimpin Asean+3 di Manila.

Asean+3 adalah negara yang dicadang menganggotai EAEC dan proses itu baru saja bermula dengan tiga mesyuarat. Bagaimanapun, belum ada sebuah badan khas, sekretariat atau struktur institusi.

Sehubungan itu, kita berharap mesyuarat AMM ini mengkaji pembentukan badan berkenaan bagi dibentangkan pada Sidang Puncak Tidak Rasmi Asean di Singapura, November ini, untuk membolehkan cadangan Malaysia menjadi kenyataan.

Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Abdul Kadir Mohamad, berkata walaupun tidak dikenali sebagai EAEC, kerjasama Asean+3 membuktikan apa yang diilhamkan oleh Dr Mahathir kini menjadi kenyataan.

"Walaupun tidak dikenali sebagai EAEC, apa yang penting, wujud kerjasama negara Asia Pasifik dalam semua sektor utama walaupun dikenali Asean+3 atau kerjasama Asia Pasifik," katanya.

Beliau berkata, setakat ini pemimpin Asean+3 hanya mengadakan pertemuan

pada persidangan Asean bagi membolehkan pemimpin China, Jepun dan Korea Selatan bertukar pandangan.

Pada mesyuarat esok, menteri luar Asean+3 akan memutuskan sama ada mesyuarat pada masa depan diadakan serentak pada Sidang Kemuncak Asean atau lebih awal.

Selain itu, mesyuarat AMM ke-33 akan menghalusi dan meluluskan konsep Asean Troika bagi menyelesaikan isu yang menyeberangi sempadan kerana sesuatu masalah yang berlaku di negara anggota tidak lagi boleh dianggap isu dalaman saja jika merebak dengan cepat ke negara jiran.

Menteri Luar Thailand, Dr Surin Pitsuwan, menjelaskan isu seperti asap dan jerebu, penyeludupan wanita dan kanak-kanak, pencemaran alam sekitar serta merebaknya penyakit kini tidak boleh dianggap hak eksklusif sesebuah negara.

"Sebahagian daripada isu perlu dinilai semula kes demi kes kerana masalah itu boleh merebak lebih cepat daripada Asean Troika dilaksanakan," katanya.

Antara perkara penting yang ditekan dalam kertas konsep itu ialah ia akan hanya bertindak secara ad-hoc dan tidak diinstitusikan.

Jawatankuasa Troika itu akan dianggotai tiga pihak, iaitu pengerusi Asean terdahulu, semasa dan akan datang. Jika perlu, seorang ahli jawatankuasa dari negara lain akan menganggotai jawatankuasa berkenaan. Semua keputusan troika itu akan dikemukakan pada mesyuarat AMM untuk diputuskan.

Pembentukan troika itu dicadangkan oleh Perdana Menteri Thailand, Chuan Leekpai, ketika sidang tidak rasmi Asean di Manila, tahun lalu. Bagaimanapun, troika itu bukan perkara baru kerana Asean turut membantu menyelesaikan krisis di Kemboja walaupun Asean mengamalkan pendekatan tidak campur tangan dalam negara serantau.

Dr Surin berkata, pelaksanaan troika itu tidak menjejaskan prinsip dan semangat Asean yang tidak campur tangan tetapi beberapa isu perlu dinilai semula, sama ada ia adalah hak dalam sesebuah negara atau berpotensi merebak ke negara jiran.

Malah, keputusan Indonesia untuk meminta kenyataan bersama pada akhir AMM menyentuh mengenai penyelesaian damai krisis kemerdekaan Aceh dan Irian Jaya serta krisis agama menggambarkan semangat troika sudah ditambah.

Kenyataan itu tidak bermakna negara jiran campur tangan, sebaliknya menyatakan iltizam dan kebimbangan sekiranya ia melepasi sempadan negara. Sekiranya ia merebak, hasrat Asean yang kini menggabungkan 10 negara untuk mewujudkan rantau aman, bebas dan berkecuali tidak akan menjadi kenyataan.

(END)